

[SIYASAH SYAR'IYYAH: A STUDY OF CONCEPTS BASED ON SIRAH AND THE HISTORY OF ISLAMIC CIVILIZATION]**SIYASAH SYAR'IYYAH : KAJIAN KONSEP BERDASARKAN SIRAH DAN SEJARAH KETAMADUNAN ISLAM**

MOHD AFFANDI MOHD YUSUF¹
NOR IZANI ABDULLAH²

¹Kolej Al-Quran Terengganu, 21400 Marang, Terengganu, MALAYSIA.

²Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

Email: m.affandi@kqt.edu.my

Received: 10th Mac 2022

Accepted: 25th April 2022

Published: 1st June 2022

Abstract

Islamic based politics known as Siyasah Syar'iyyah has existed since the time of Rasulullah SAW. The Islamic government of Madinah founded by Rasulullah SAW showed the success of the concept of shura which is the core of administration. Khulafa' al-Rasyidin who inherited the Islamic State after Rasulullah SAW then made the necessary reforms in accordance with the changes of time and place. This political system was further developed during the reign of the Umayyah and Abbasiyah kingdoms. This article aims to review the concept of Siyasah Syar'iyyah according to the Islamic perspective by highlighting and analyzing the history of the reign of the Prophet Muhammad SAW, the khulafa' al-rasyidin, the Umayyah kingdom and the Abbasiyah kingdom. The author will comment on this issue based on a study of the literature, by examining the writings of Islamic figures, especially from the archipelago and the Arab world related to this issue. The results of the study found that Islamic politics is an art that is guided by Islamic law, and not based on the power of thought alone. The Medina Charter which was the basis for the administration of Rasulullah SAW has brought political stability to the city of Medina. The concept of shura was used in the era of Rasulullah SAW and khulafa' al-rasyidin. The concept of monarchy was practiced in the era of the Umayyad government and the Abbasiyah government to avoid the division of the country. The data collected in this study can be used as a reference by the community in understanding the concept of Siyasah Syar'iyyah based on the sirah and history of Islamic civilization. This study can be expanded by focusing on specific eras such as the era of khulafa' al-rasyidin.

Keywords: Al-Siyasah, Al-Syar'iyyah, Khulafa' al-Rasyidin, Umayyah, Abbasiyah

ABSTRAK

Politik berlandaskan Islam yang dikenali sebagai *Siyasah Syar'iyyah* telah wujud semenjak zaman Rasulullah SAW. Kerajaan Islam Madinah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW menunjukkan kejayaan konsep syura yang menjadi teras pentadbiran. *Khulafa' al-Rasyidin* yang mewarisi tompok pemerintahan Negara Islam selepas Rasulullah SAW kemudiannya membuat pembaharuan yang perlu sesuai dengan perubahan masa dan tempat. Sistem politik

ini dikembangkan lagi pada zaman pemerintahan kerajaan Umayyah dan kerajaan Abbasiyyah. Artikel ini bertujuan meninjau konsep Siyasah Syar'iyyah menurut perspektif Islam dengan menyorot dan menganalisis sejarah pemerintahan zaman Nabi Muhammad SAW, *khulafa' al-rasyidin*, kerajaan Umayyah dan kerajaan Abbasiyyah. Penulis akan mengulas masalah ini berdasarkan kepada kajian kepustakaan, dengan mengupas penulisan tokoh-tokoh Islam khususnya dari nusantara dan dunia Arab berkaitan isu ini. Hasil kajian mendapati politik Islam adalah satu seni yang berpandukan kepada syarak, dan bukannya bersandarkan kepada kekuatan pemikiran semata-mata. Piagam Madinah yang menjadi dasar kepada pentadbiran Rasulullah SAW telah membawa kestabilan politik ke Kota Madinah. Konsep syura digunakan dalam era Rasulullah SAW dan *khulafa' al-rasyidin*. Konsep pemerintahan beraja pula diamalkan pada era kerajaan Umayyah dan kerajaan Abbasiyyah untuk mengelakkan perpecahan negara. Data yang dikumpulkan dalam kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh masyarakat dalam memahami konsep *Siyasah Syar'iyyah* berdasarkan sirah dan sejarah ketamadunan Islam. Kajian ini boleh dikembangkan dengan memberi tumpuan kepada era tertentu seperti era *khulafa' al-rasyidin*.

Kata Kunci: Al-Siyasah, Al-Syar'iyyah, Khulafa' al-Rasyidin, Umayyah, Abbasiyyah

PENDAHULUAN

Politik merupakan satu cabang Islam yang syumul. Islam bukan sekadar ibadat semata-mata, bahkan satu sistem hidup lengkap, bermula daripada pembersihan diri sehingga kepada urusan pentadbiran kerajaan. Politik yang berlandaskan Islam merupakan satu tugas murni yang diamanahkan oleh Allah kepada manusia. Firman Allah SWT,

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا
وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَيْسِنَ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

“Dan ingatlah ketika Tuhan kamu berfirman kepada para malaikat : Sesungguhnya aku jadikan di atas muka bumi khalifah. Mereka bertanya : Mengapa Kamu jadikan di atasnya seseorang yang membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah sedangkan kami sentiasa bertasbih memuji dan menyucikanMu. Allah berfirman : Sesungguhnya Aku lebin mengetahui apa yang kamu tidak tahu” (al-Baqarah : 30).

Politik berlandaskan Islam yang dikenali sebagai *Siyasah Syar'iyyah* telah wujud semenjak zaman Rasulullah SAW. Kerajaan Islam Madinah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW menunjukkan kejayaan konsep syura yang menjadi teras pentadbiran. Baginda juga memperkenalkan Piagam Madinah yang menjadi perlombagaan bertulis dalam pemerintahan. Sepanjang pemerintahan baginda, penduduk Madinah memperolehi kestabilan politik dan ekonomi yang membawa kepada kesejahteraan dalam kehidupan. *Khulafa' al-Rasyidin* yang mewarisi tompok pemerintahan Negara Islam selepas Rasulullah SAW kemudiannya membuat pembaharuan yang perlu sesuai dengan perubahan masa dan tempat. Sistem politik ini dikembangkan lagi pada zaman pemerintahan kerajaan Umayyah dan kerajaan Abbasiyyah.

Kegagalan umat Islam menghayati sejarah menyebabkan timbul persepsi hanya sistem politik barat sahaja yang mampu membawa kemajuan kepada negara. Sebaliknya kejayaan umat Islam terdahulu membuktikan sistem politik Islam berjaya mengubah tamadun manusia dan peradaban dunia.

Artikel ini bertujuan meninjau konsep *Siyasah Syar'iyyah* menurut perspektif Islam dengan menyorot dan menganalisis sejarah pemerintahan zaman Nabi Muhammad SAW, *khulafa' al-rasyidin*, kerajaan Umayyah dan kerajaan Abbasiyyah. Penulis akan mengulas masalah ini berdasarkan kepada kajian kepustakaan, dengan mengupas penulisan tokoh-tokoh Islam khususnya dari nusantara dan dunia Arab berkaitan isu ini. Penulisan ini dimulakan dengan menerangkan konsep Siyasah Syar'iyyah dari sudut pengertian serta kedudukannya dalam Islam. Seterusnya penulis akan menyorot prinsip-prinsip dalam pentadbiran Kerajaan Islam Madinah pada zaman Rasulullah SAW serta sistem pemerintahan pada zaman *khulafa' al-rasyidin*, kerajaan Umayyah dan kerajaan Abbasiyyah. Perbandingan sistem pemerintahan akan dikupas untuk menghasilkan analisis dan rumusan, seterusnya mencadangkan perkara-perkara yang boleh diaplikasikan dalam sistem pemerintahan moden.

PENGERTIAN SIYASAH SYAR'IYYAH

Perkataan al-Siyasah dalam Bahasa Arab diambil dari kata dasar sa-wa-sa , bermaksud mengadakan sesuatu yang membawa kebaikan kepadanya (al-Zubaidiy : t.t.). al-Siyasah juga bermaksud mendatangkan kebaikan kepada pihak yang dipimpin (Ibn Manzur : 1990)

Perkataan ini tidak disebut di dalam al-Quran. Hadith yang paling masyhur yang menyebut perkataan ini adalah hadith Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda :

كانت بنو إسرائيل تسوسهم الأنبياء كلما هلك نبي خلفه نبي وإنه لا نبي بعدي
وستكون خلفاء تكثر

“Sesungguhnya Bani Israel , urusan mereka diurus oleh para nabi. Apabila seseorang nabi wafat, nabi lain datang menggantikannya. Sesungguhnya tiada nabi selepasku, sebaliknya akan ada ramai para khalifah” (al-Bukhariy : 3455)

Perkataan Syar'iyyah pula bermaksud perkara-perkara yang berpandukan kaedah Islam dan mengikut syarak (Syukeri Muhammad : 2009).

Para fuqaha' mempunyai dua aliran dalam mendefinisikan *al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Sebahagian fuqaha' berpendapat perkataan al-siyasah merujuk kepada semua perbuatan yang mendekatkan manusia kepada kebaikan dan menjauahkan mereka daripada keburukan selagi tidak bercanggah dengan syariat. (al-Syarif : 2015)

Aliran kedua fuqaha' dalam mendefinisikan *al-siyasah al-syar'iyyah* adalah aliran mazhab Hanafi yang mengkhususkan istilah ini kepada masalah jenayah dan hukuman berat . Mereka menyebut bahawa *al-siyasah* sama erti dengan *al-Ta'zir*, iaitu hukuman yang tidak ditetapkan oleh Allah Taala, sebaliknya diserahkan kepada kebijaksanaan pemerintah berdasarkan kemaslahatan (al-Syarif : 2015)

Dalam penulisan ini, maksud al-siyasah al-syar'iyyah adalah mengikut pandangan majoriti ilmuwan Islam (aliran pertama) iaitu ilmu yang membincangkan mengenai pentadbiran sebuah kerajaan Islam yang terdiri daripada undang-undang dan sistem yang berdasarkan kepada asas-asas Islam.

Topik perbincangan *siyasah syar'iyyah* adalah sistem, peraturan dan undang-undang yang diperlukan di dalam mengurus sebuah negara bertepatan dengan asas-asas agama bagi menjamin pencapaian kemaslahatan kepada manusia, menunaikan segala keperluan mereka dan menjauahkan mereka daripada kemudarat dunia dan akhirat (Abd. Jalil : 2013)

KEDUDUKAN DAN KONSEP *SIYASAH SYAR'IYYAH DALAM ISLAM*

Politik adalah satu keperluan dalam kehidupan bermasyarakat. Kepimpinan politik diperlukan demi menjaga kestabilan dan keamanan dalam kehidupan. Pemimpin diperlukan untuk menyelesaikan pertelingkahan yang sentiasa wujud kerana manusia mempunyai sifat-sifat tertentu yang mendorong kepada perbalahan.

Tujuan utama politik adalah menjaga kemaslahatan hidup manusia. Politik yang diasaskan berpandukan syariat akan membawa manusia kepada kejayaan bukan sahaja di atas muka bumi ini, bahkan juga di akhirat. Ini yang dinamakan sebagai siyasah syari'yyah.

Kedudukan *siyasah syar'iyyah* dapat dilihat dalam kata-kata Ibn Kathir (1986) bahawa terdapat ungkapan yang masyhur iaitu manusia beragama seperti agama raja-raja mereka. Kalau beliau seorang pemabuk maka ramailah pemabuk. Jika beliau seorang peliawat maka ramailah peliawat-peliawat. Jika beliau seorang yang kedekut maka begitulah rakyatnya. Jika beliau seorang yang baik, pemurah dan berani maka demikianlah juga orang ramai. Sebaliknya jika beliau seorang yang tamak, zalim dan penipu maka begitulah juga rakyatnya. Apabila beliau seorang yang beragama dan bertakwa maka rakyat juga akan mengikutnya.

Kata-kata tokoh sejarawan Islam ini jelas menunjukkan manusia terpengaruh dengan suasana politik dan pemerintah. Negara ditadbir mengikut acuan *siyasah syar'iyyah* akan mendorong rakyatnya melaksanakan perintah Allah dan memacu mereka kepada kejayaan di dunia dan akhirat. Sebaliknya kegagalan menerapkan syariat dalam politik akan membawa kepada kegagalan abadi.

Konsep *siyasah syar'iyyah* ini dapat dilihat melalui pendapat-pendapat ilmuwan Islam seperti berikut :

1-Ibn Khuldun (meninggal 808 H)

Menurut Ibn Khuldun : *siyasah syar'iyyah* adalah satu mekanisme untuk menjalankan pentadbiran negara dan pelaksanaan hukum-hukum, merancang dan meminda peraturan dan undang-undangnya. Bagi melaksanakan *siyasah syar'iyyah* ini, dua kaedah perlu digunakan iaitu *siyasah diniyyah* (agama) dan *siyasah aqliyyah* (kekuatan akal)

Siyasah diniyyah adalah bersandarkan kepada prinsip-prinsip dan ketentuan syariat yang diturunkan Allah di mana ianya wajib dipatuhi dan ditaati berdasarkan konsep keimanan dan pembalasan di akhirat kelak. *Siyasah aqliyyah* pula adalah segala tindakan, keputusan dan dasar yang diambil perlu bersandarkan kepada kekuatan akal untuk kepentingan dan kemaslahatan masyarakat seluruhnya.

Beliau berpendapat kerajaan bertanggungjawab menanggung semua manusia mengikut kehendak tujuan dan nafsu serta pandangan akal untuk membawa kemaslahatan dunia dan menolak kemudharatan. Beliau juga berpendapat bahawa kerajaan yang berdasarkan kepada ketentuan syariat akan menzahirkan tuntutan sosial masyarakat yang harmonis, sejahtera dan adil iaitu tujuan syariat itu diturunkan. Sebaliknya kegagalan pemerintah menerapkan syariat dalam sistem politik akan menyebabkan kehidupan masyarakat dan negara tidak stabil kerana ianya hanya lebih memberi faedah kepada pemimpin tertentu berbanding kepentingan awam. Oleh itu Ibn Khuldun merumuskan bahawa *siyasah syar'iyyah* sebagai pereturan-peraturan kerajaan yang selaras dengan ketentuan syariat serta memenuhi kehendak syariat islam. (Abdul Jalil : 2013)

2-Ibn Abidin (meninggal 1252 H)

Menurut Ibn Abidin, *siyasah syar'iyyah* adalah satu mekanisme yang mempunyai visi dan misi untuk membaiki keadaan rakyat dengan cara membimbing mereka ke jalan yang selamat di dunia dan akhirat. Beliau lebih menitikberatkan pengertian *siyasah syar'iyyah* kepada pelaksanaan hukum syariah, iaitu menjadikan hukum Islam sebagai sumber utama hukum supaya keadilan dapat ditegakkan tanpa mengambil kira latar belakang status sosial seseorang. Hal ini termasuk hukuman mati kepada penjenayah yang bertujuan menimbulkan keinsafan dalam masyarakat.

Konsep ini dikuatkan lagi dengan penjelasan yang diberi oleh al-Atwah yang merumuskan bahawa *siyasah syar'iyyah* hanya berkisar dalam wilayah ijтиhad sahaja iaitu perkara-perkara yang bersifat dalil yang boleh diperdebatkan (*zanni al-dalalah*). Perkara-perkara yang bersifat pasti dan tidak boleh diperdebatkan (*qat'i al-dalalah*) tidak termasuk dalam perbincangan siyasah. (Abdul Jalil : 2013)

Konsep ini sesuai dengan fuqaha' mazhab Hanafi yang melihat *siyasah syar'iyyah* adalah sama erti dengan takzir iaitu mengkhususkan penggunaan istilah *siyasah syar'iyyah* kepada masalah jenayah dan hukuman dalam Islam.

3- Imam al-Haramain

Beliau berpendapat *imamah* sebagai ketua atau pemimpin yang merangkumi tanggungjawab khusus dan juga umum dalam urusan agama dan dunia. Tugasnya ialah menjaga sempadan dan mengurus rakyat, menegakkan dakwah dengan hujah dan pedang, menghalang penyelewengan dan kezaliman, membela orang yang dizalimi daripada orang yang zalim, mendapatkan hak-hak daripada mereka yang enggan dan menunaikannya kepada orang yang berhak. Apa yang dituntut oleh syariat daripada makhluk ialah berpegang dengan agama, takwa, berpaut dengan amalan yang menghampirkan diri kepada Allah, bekerja keras untuk mencari redha Allah, bercukupan dengan dunia, mengelak dari ajakan hawa nafsu dan menghindarkan diri dari jalan dosa.

Menurut Imam al-Haramain, kebanyakan manusia tidak pernah terhalang dari terjerumus ke lembah hawa nafsu dengan semata-mata janji syurga atau neraka, dorongan dan ancaman, lalu Allah s.w.t memberi mandat kepada sultan dan pemimpin untuk menghalang supaya hak-hak dapat dipenuhi, habuan disampaikan kepada empunya, mencegah orang yang menceroboh, menyokong orang yang adil, mengukuhkan binaan rasional, menghapus segala bentuk pelampauan dan kerosakan, lalu teraturlah urusan dunia dan dengan itu tercapailah maksud agama. (Abdul Jalil : 2013)

4- Dr. Yusuf al-Qaradhawi

Konsep *siyasah sya'iyyah* mengikut Dr. Yusuf al-Qaradhawi adalah sistem politik yang menjadikan syariat sebagai teras, kembali dan bersandar kepadanya, mengaplikasikannya di muka bumi, melaksanakan ajaran-ajaran dan prinsipnya di tengah masyarakat, sekaligus sebagai matlamat dan sasaran sistem dan tatacaranya. Tujuannya berdasarkan syariat dan sistem yang dianut berdasarkan syariat.

Beliau menolak pandangan pemikiran sekuler dan liberal yang memisahkan syariat daripada politik seperti yang diamalkan di kebanyakan negara masakini. Beliau menghalakan kritikan beliau kepada pengertian politik mengikut gegasan Machiavelli yang bertunjang kepada penyingkiran moral dan menghalalkan segala cara bagi mencapai tujuan politik. (Abdul Jalil : 2013)

Kesimpulan daripada pandangan-pandangan tokoh-tokoh ilmuwan Islam adalah konsep *siyasah syar'iyyah* mesti berpandukan syariat. Pemimpin sebuah kerajaan mesti menjadikan

syariat sebagai tonggak dalam pentadbirannya untuk membawa kejayaan hakiki kepada manusia. Kegagalan meletakkan syariat sebagai asas pentadbiran akan membawa kepada ketidakstabilan dalam negara.

ZAMAN PEMERINTAHAN RASULULLAH SAW

Era pemerintahan Rasulullah SAW bermula dengan penghijrahan baginda SAW dari Makkah ke Madinah. Penduduk Madinah iaitu kabilah *Aus* dan Kabilah *Khazraj* serta orang-orang Yahudi yang tinggal di pinggir kota Madinah telah bersetuju menerima Rasulullah SAW sebagai ketua negara. Rasulullah SAW meletakkan asas-asas pemerintahan dengan menjadikan Islam sebagai tonggak utama. Rasulullah SAW sebagai ketua negara telah menjalankan tugas-tugas pentadbiran dengan sebaiknya.

Dua perkara penting yang mula-mula dilakukan oleh Rasulullah SAW sebaik sahaja tiba di Madinah adalah pembinaan masjid dan mempersaudarakan di antara golongan al-muhajirin dan al-ansar.

Masjid yang mula-mula dibina oleh Rasulullah SAW adalah Masjid Quba' yang terletak 3.5 kilometer daripada Kota Madinah. Quba' adalah tempat di mana baginda SAW singgah seketika sebelum meneruskan perjalanan ke kota Madinah. Rasulullah SAW seterusnya membina Masjid al-Nabawi yang menjadi al-Haram kedua selepas Masjid al-Haram di Makkah.

Pembinaan Masjid al-Nabawi adalah sebagai simbol kerajaan yang baru ditubuhkan. Masjid inilah yang menjadi pusat pentadbiran selain fungsi utama sebagai tempat beribadat. Gabungan antara ibadat dan muamalat dapat dilihat dengan jelas apabila membincangkan fungsi masjid ini. Di sinilah Rasulullah SAW menjadi imam lima kali sehari solat berjemaah bersama dengan para sahabat baginda SAW. Solat berjemaah berfungsi sebagai simbol menzahirkan kekuatan spiritual umat Islam. Masjid ini juga berfungsi sebagai pusat pentadbiran negara, madrasah, mahkamah, markaz tentera, baitul mal dan pusat aktiviti sosial.

Perkara kedua yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sebaik sahaja menjadi pemerintah kota Madinah adalah mempersaudarakan di antara golongan al-muhajirin dan al-ansar. Golongan al-muhajirin adalah penduduk Makkah atau orang Islam dari tempat lain yang berhijrah ke Madinah. Mereka mempunyai kelebihan telah lama memeluk Islam dan mempunyai kepercayaan akidah yang kuat hasil asuhan Rasulullah SAW sepanjang tempoh baginda SAW berdakwah di Makkah. Namun kekurangan ketara mereka adalah kemiskinan kerana harta mereka ditinggalkan di Makkah. Golongan al-ansar pula adalah penduduk asal Madinah yang terdiri dari kabilah *Aus* dan *Khazraj*. Kebiasaan mereka adalah pekebun-pekebun tamar yang mempunyai harta, namun mereka baru memeluk Islam dan tidak mempunyai pengetahuan seperti golongan al-muhajirin.

Strategi persaudaraan ini nyata menguntungkan kedua-dua pihak. Golongan al-ansar membantu al-muhajirin memulakan kehidupan dengan memberikan modal perniagaan dan sebagainya. Golongan al-muhajirin pula membantu golongan al-ansar mendalami ilmu agama khususnya berkaitan akidah Islam. Di antara contoh terkenal persaudaraan ini adalah persaudaraan di antara Abdul Rahman ibn Auf dan Saad ibn al-Rabi' serta persaudaraan di antara Salman al-Farisiy dan Abu Darda r.a.

Dasar utama pemerintahan Rasulullah SAW adalah al-syura (mesyuarat) berdasarkan firman Allah Taala:

وَالَّذِينَ أَسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقْمُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

“Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhan mereka dan mendirikan shalat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarat antara mereka; dan mereka menafkahkan sebagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka” (al-Syuraa : 38)

Rasulullah SAW bertindak sebagai ketua negara dan ketua kerajaan dengan dibantu oleh para sahabat baginda SAW yang bertindak sebagai ahli mesyuarat. Segala keputusan yang dibuat adalah berdasarkan syariat Islam. Ciri-ciri pemerintahan Rasulullah SAW berkaitan ehwal dalam adalah seperti berikut :

1. Tugas utama Rasulullah SAW adalah menyampaikan wahyu. Pentadbiran kota Madinah adalah berdasarkan kepada wahyu dan menjadi asas kepada *siyasah syar'iyyah* yang mesti dipatuhi oleh pemerintah umat Islam selepas baginda SAW.
2. Rasulullah SAW meminta pandangan sahabat r.a dalam mesyuarat dalam setiap urusan kehidupan. Rasulullah SAW mempunyai kata pemutus (kuasa veto), namun baginda SAW tetap mengambil kira pendapat para sahabat r.a. Contoh ketara Rasulullah SAW menukar pandangan selepas perbincangan dengan para sahabat r.a adalah dalam kisah Perang Badar.
3. Sekiranya Rasulullah SAW meninggalkan Madinah, baginda SAW akan memilih seseorang untuk menjadi wakil baginda SAW mentadbir kota Madinah. Contohnya Rasulullah SAW pernah memilih Ibn Ummi Maktum r.a menjadi wakil pentadbir.
4. Rasulullah SAW membahagikan tugas secara terperinci kepada para sahabat r.a. Contohnya baginda SAW mempunyai penulis wahyu, penulis surat, penulis perjanjian, penjaga cop mohor, penjaga harta zakat dan lain-lain.
5. Setiap penduduk Madinah bertanggungjawab mempertahankan kota dan tiada tentera khusus diwujudkan. Apabila berlaku perperangan atau misi ketenteraan, baginda SAW mengadakan iklan terbuka untuk berjihad dan memilih mereka yang layak. (Zainab : 2015)

Ciri-ciri pemerintahan berkaitan hal ehwal luar negara pula adalah seperti berikut :

1. Dakwah dan jihad adalah dua perkara utama dalam hubungan Rasulullah SAW dengan pihak luar. Sebagai pesuruh Allah, baginda SAW bertanggungjawab mengembangkan dakwah Islamiah dengan mengutuskan wakil baginda SAW ke seluruh pelusuk Tanah Arab untuk berdakwah. Jika usaha dakwah ini dihalang, Rasulullah SAW menggunakan pendekatan jihad sebagai jalan terakhir.
2. Menghantar surat-surat dakwah kepada raja-raja dan pemerintah menyeru mereka kepada Islam. Pendekatan ini banyak dilaksanakan oleh Rasulullah SAW selepas terminaternya Perjanjian al-Hudaibiyyah. Contohnya surat baginda SAW kepada Raja Rom Timur, Raja Parsi dan lain-lain.
3. Mengadakan perjanjian dan persefahaman dengan pemerintah kota dan ketua kabilah. Contoh paling jelas adalah Perjanjian al-Hudaibiyyah yang berlaku pada tahun enam Hijrah. Perjanjian ini membuka ruang kepada baginda SAW untuk berdakwah dengan lebih tenang kerana tiada lagi gangguan dari orang kafir Quraisy yang seterusnya membawa kepada pembukaan Kota Makkah pada tahun lapan hijrah. (Zainab : 2015)

PIAGAM MADINAH

Satu ciri penting dalam era pemerintahan Rasulullah SAW adalah Piagam Madinah. Piagam ini dibuat sebaik sahaja Rasulullah SAW menjadi ketua negara dan menjadi satu pembaharuan dalam tamadun Arab. Tujuan utama piagam ini adalah untuk mewujudkan persekitaran harmoni di antara penduduk Madinah yang terdiri dari pelbagai golongan iaitu golongan al-Ansar (Kabilah Aus dan Khazraj), golongan al-muhajirin, golongan Yahudi (Bani Qainuqa', Bani Nadhir dan Bani Quraidhah) serta golongan minoriti lain.

Piagam ini meliputi setiap aspek pentadbiran. Di antara kandungan utama piagam ini menurut Muhammad Mas'ad Yaqut (2015) adalah :

1. Orang-orang Islam adalah satu umat yang bersatu. Rasulullah SAW berjaya mewujudkan satu umat yang tidak dipisahkan dengan perbezaan bangsa dan keturunan, sebaliknya setiap individu muslim mempunyai hak sama rata di atas jemaah Islam. Kejayaan mengubah persepsi taasub kabilah kepada perpaduan ummah merupakan kejayaan terbesar piagam ini.
2. Kerjasama erat setiap individu yang bernaung di bawah Kota Madinah.
3. Menolak pengkhianatan. Piagam ini dengan jelas menyebut bahawa warga Madinah hendaklah bersatu padu menentang pengkhianat yang bersekongkol dengan musuh. Contoh jelas peruntukan ini digunakan adalah ketika Bani Quraidhah dihukum kerana membantu orang-orang kafir Quraisyh memerangi Madinah dalam Peperangan Khandaq Tahun Lima Hijrah.
4. Menghormati ‘Aman (status perlindungan)’ yang diberikan oleh mana-mana individu muslim. Aman (Status perlindungan) adalah satu bentuk perjanjian di mana satu pihak memberi jaminan untuk melindungi pihak kedua untuk tempoh tertentu. Pada zaman jahiliah, hanya ketua-ketua kabilah diberikan hak untuk memberi status ini. Rasulullah SAW sebaliknya memberikan hak ini kepada setiap warga kota Madinah yang beragama Islam termasuk para wanita.
5. Memberi perlindungan kepada ahli zimmah dan minoriti bukan Islam. Piagam ini dengan jelas menyebut hak minoriti dijamin dalam perlembagaan Islam.
6. Keamanan sosial dan kewajipan membayar diat. Sebelum kedatangan Islam, orang Arab Jahiliah hanya mempunyai satu cara apabila berlakunya pembunuhan iaitu membala dendam. Islam membawa alternatif yang lebih baik iaitu pembayaran diat jika keluarga mangsa bersetuju.
7. Sumber hukum tertinggi adalah syariat Islam.
8. Kebebasan beragama terjamin. Setiap warga Madinah dibenarkan mengamalkan ajaran agama masing-masing dan tidak dipaksa memeluk Islam.
9. Setiap warga Madinah bertanggungjawab mengeluarkan harta untuk digunakan mempertahankan Madinah dari serangan musuh.
10. Menjamin kebebasan pemilikan harta individu.
11. Kewajipan mempertahankan Madinah dari serangan musuh.
12. Nasihat menasihati antara setiap individu sama ada di kalangan umat Islam atau bukan Islam.
13. Kebebasan mengadakan perjanjian dengan pihak ketiga selagi tidak memudaratkan Kota Madinah.
14. Kewajipan membantu pihak yang dizalimi.
15. Setiap individu berhak hidup dengan aman.

SISTEM PEMERINTAHAN KHULAFĀ AL-RASYIDIN

Era *Khulafā' al-Rasyidin* adalah tempoh pemerintahan empat khalifah Islam selepas Rasulullah SAW iaitu Saidina Abu Bakr al-Siddiq r.a (11-13 H), Saidina Umar ibn al-Khattab r.a (13-23 H), Saidina Othman ibn Affan r.a (23-35 H) dan Saidina Ali ibn Abi Talib r.a (35-40 H). Mereka dikenali sebagai *khulafā' al-Rasyidin* berdasarkan hadith Rasulullah SAW :

عَلَيْكُمْ بِسْتَنْتِي وَسُنْنَةُ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ

“Hendaklah kamu semua mengikut sunnahku dan sunnah khalifah-khalifah yang bijaksana dan diberi hidayat ” (Ibn Majah : 42)

1- Saidina Abu Bakar r.a

Beliau dilantik menjadi khalifah selepas perbahasan panjang yang berlaku di Saqifah Bani Sa'adah selepas kewafatan Rasulullah SAW. Cara perlantikan beliau adalah melalui syura dengan persetujuan semua sahabat yang terlibat dengan perbahasan. Di antara ciri-ciri utama pemerintahan Saidina Abu Bakar r.a adalah :

1. Meneruskan dasar pemerintahan Rasulullah SAW iaitu berdasarkan syariat. Beliau menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai rujukan utama dalam pentadbiran.
2. Cabaran utama era pemerintahan Saidina Abu Bakar r.a adalah memerangi golongan yang murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW. Beliau mengutus tentera ke seluruh pelusuk Tanah Arab untuk mengembalikan golongan murtad kepada Islam. Gerakan ini akhirnya berjaya mengembalikan keamanan kepada Tanah Arab dan menguatkan kedudukan kerajaan Islam.
3. Selain mengutus tentera memerangi golongan murtad, Saidina Abu Bakar sempat mengutus tentera untuk berdakwah dan berjihad membuka kota. Contohnya beliau memerintahkan Usamah ibn Zaid meneruskan kempen tentera ke Syam selepas kewafatan Rasulullah SAW.
4. Saidina Abu Bakar r.a turut membuat beberapa pembaharuan dalam pentadbiran iaitu menetapkan gaji khalifah yang diambil dari Baitul Mal, memulangkan lebihan gaji, menyamaratakan pembahagian harta, pembahagian kawasan-kawasan negara Islam, menambah jawatan pegawai yang bertanggungjawab kepada Baitul Mal dan pelaburan harta umum (bukan zakat) dari Baitul Mal.
5. Saidina Abu Bakar r.a telah menamakan saidina Umar r.a sebagai pengganti beliau setelah melihat keperluan kepada perkara tersebut. (al-Mutiriyy : 2009)

2- Saidina Umar ibn al-Khattab r.a

Beliau dilantik menjadi khalifah kedua setelah kewafatan Saidina Abu Bakar r.a melalui wasiat daripada Saidina Abu Bakar r.a. Era pemerintahan beliau selama sepuluh tahun dipenuhi dengan pembukaan kota-kota dan penerimaan Islam. Di zaman beliaulah Kerajaan Rom Timur dan Parsi akhirnya jatuh dan penduduknya beramai-ramai memeluk Islam. Saidina Umar r.a meletakkan tiga usul politik utama iaitu :

- 1- Menetapkan hak warga kota. Beliau menetapkan makna warga kota dan mengesahkan hak setiap warga ke atas tanah air mereka. Dasar ini menguntungkan penduduk setempat berbanding dasar lama yang memberi kuasa dan pemilikan tanpa batas kepada pemerintah dan raja sahaja.
- 2- Menetapkan tanggungjawab pemerintah terhadap rakyatnya. Beliau memerintahkan gebenur-gebenurnya akan menjalankan tanggungjawab menjaga kebajikan rakyat secara menyeluruh.
- 3- Meneruskan dasar pemerintahan berdasarkan syariat Islam.

Beliau turut memperincikan lagi beberapa aspek pentadbiran seperti memberi peluang kepada rakyat hak untuk memilih pemimpin serta mengawasi tindak tanduk mereka, hak pengawasan harta Baitul Mal, hak persamaan, menetapkan jumlah gaji mengikut keperluan kepada pegawai kerajaan, mengasaskan belanjawan negara, menggariskan tanggungjawab negara terhadap rakyat dan lain-lain. Saidina Umar r.a turut meletakkan asas pelan tindakan bencana ketika negara ditimpa krisis ekonomi pada zamannya serta membenarkan harta Baitul Mal digunakan untuk membebaskan hamba abdi. Beliau turut menjadikan tanah rampasan perang sebagai waqaf kepada umat Islam.

Pembaharuan pentadbiran turut dilaksanakan dengan menetapkan ahli majlis syura, menambahbaik pembahagian kawasan negara, menubuhkan jawatankuasa pengawasan, menghadkan tempoh tugas gebenur, meletakkan peraturan pentadbiran, meletakkan peraturan pembangunan tanah serta pertanian, meletakkan peraturan kebajikan sosial, pengecualian jizyah ke atas orang Arab yang beragama Kristian serta menetapkan peraturan perhubungan antarabangsa. Di penghujung hayatnya, Saidina Umar r.a sempat meletakkan asas pemilihan khalifah yang bakal mengantikannya berdasarkan kepada sistem syura. (al-Mutiriy : 2009)

4- Saidina Othman ibn Affan r.a

Beliau menjadi khalifah ketiga selepas melalui proses pemilihan yang ditetapkan oleh Saidina Umar r.a. Proses ini boleh dianggap sebagai asas kepada demokrasi kerana Abdul Rahman ibn Auf yang bertanggungjawab menguruskan pemilihan mendapatkan pandangan majoriti para sahabat r.a. Saidina Othman r.a meneruskan dasar pemerintahan berdasarkan syariat Islam dan meluaskan wilayah pemerintahan umat Islam.

Di penghujung era pemerintahan beliau, berlaku fitnah yang melanda umat Islam. Beliau dituduh mengutamakan kaum kerabat berbanding orang lain dalam perlantikan jawatan dalam kerajaan. Beliau telah meletakkan dasar-dasar politik yang sesuai untuk menghadapi fitnah ini iaitu :

- 1- Mendapatkan kepastian dengan menghantar utusan ke kawasan-kawasan tertentu untuk mengenalpasti sebab-sebab berlakunya fitnah.
- 2- Menggugurkan Said ibn al-Ash dari jawatannya selepas mendapat aduan dari penduduk Kufah.
- 3- Menolak nasihat untuk menghapuskan gerakan penentang.
- 4- Menerima golongan penentang yang berjumpa dengan beliau dengan sebaik-baik cara.
- 5- Mengadakan perbincangan dan menetapkan syarat-syarat perdamaian. (al-Mutiriy : 2009)

Walaupun berusaha menangani fitnah dalaman, namun akhirnya Saidina Othman r.a terbunuh dalam krisis tersebut.

5- Saidina Ali ibn Abi Talib r.a

Beliau dipilih menjadi khalifah oleh penduduk kota Madinah selepas kematian Saidina Othman ibn Affan r.a. Era pemerintahan beliau dipenuhi dengan usaha membasmi fitnah yang berleluasa disebabkan pembunuhan Saidina Othman ibn Affan r.a. Beliau menetapkan beberapa dasar siyasah seperti berikut :

- 1- Urusan pemilihan pemimpin hendaklah diserahkan kepada orang ramai'
- 2- Berusaha menyatupadukan umat Islam yang berpecah disebabkan krisis fitnah.
- 3- Menggunakan kedua-dua pendekatan iaitu berperang dan berdamai untuk menyelesaikan masalah.
- 4- Pengakuan terhadap kepelbagaian dalam siyasah (politik).
- 5- Kesungguhan beliau mengekalkan sistem syura. (al-Mutiriy : 2009)

SISTEM PEMERINTAHAN KERAJAAN UMAYYAH (41-132 H)

Kerajaan Umayyah bermula apabila Saidina al-Hassan ibn Ali r.a menyerahkan tompok pemerintahan kepada Muawiyyah r.a. pada tahun 41 H. Di antara syarat utama yang dikemukakan oleh al-Hassan r.a adalah Muawiyyah r.a hendaklah berpegang kepada syariat dengan merujuk kepada al-Quran dan sunnah. Muawiyyah r.a adalah penulis wahyu pada zaman Rasulullah SAW dan merupakan seorang ahli politik yang cekap. Walaupun mendapat tentangan di beberapa kota seperti Basrah, namun akhirnya beliau berjaya menguasai kesemua kota-kota Islam untuk mewujudkan kembali kesatuan umat Islam.

Perubahan paling ketara dari era *khulafa' al-rasyidin* kepada era kerajaan Umayyah adalah pemilihan khalifah tidak lagi melalui proses syura, sebaliknya melalui proses penamaan pengganti oleh khalifah terdahulu. Muawiyyah r.a sendiri yang memulakan proses tersebut dengan menamakan anaknya Yazid sebagai khalifah selepasnya. Beliau melakukannya untuk mengelakkan negara mengalami perpecahan selepas kematiannya kerana perubahan zaman dan perluasan wilayah Islam. Proses ini kemudiannya bertukar kepada sistem warisan keluarga atau kerajaan beraja (sistem monarki) seperti kerajaan Rom dan Parsi sebelum kedatangan Islam.

Kerajaan Umayyah wujud selama 91 tahun dan diperintah oleh seramai 14 orang Khalifah iaitu :

1. Muawiyah bin Abi Sufyan (41-60 H/661-680 M)
2. Yazid bin Muawiyah (60-64 M/680-683 M)
3. Muawiyah bin Yazid (64-64 H/683-683 M)
4. Marwan bin Hakam (64-65 H/683-685 M)
5. Abdul Malik bin Marwan (65-86 H/685-705 M)
6. Walid bin Abdul Malik (86-96 H/705-715 M)
7. Sulaiman bin Abdul Malik (96-99 H/715-717 M)
8. Umar bin Abdul Aziz (99-101 H/717-720 M)
9. Yazid bin Abdul Malik (101-105 H/720-724)
10. Hisyam bin Abdul Malik (105-125 H/724-743 M)
11. Walid bin Yazid (125-126 H/743-744 M)
12. Yazid bin Walid (126-127 H/744-745 M)
13. Ibrahim bin Walid (127-127 H/745-745 M)
14. Marwan bin Muhammad (127-132 H/745-750 M)

Walaupun berlaku perubahan besar dalam konsep pemerintahan, namun kerajaan Umayyah adalah kerajaan yang tetap menjalankan syariat Islam seperti yang ditegaskan oleh ramai sejarawan Islam. Kebanyakan hakim yang bertugas pada era *khulafa' al-rasyidin* meneruskan tugas mereka di era kerajaan Umayyah seperti Syuraih ibn al-Harith dan lain-lain. Bidang kehakiman juga berkembang menjadi satu institusi berasingan daripada institusi khilafah (pemerintahan). Pada era ini, lahir ramai tokoh ilmuwan Islam dalam pelbagai bidang. Pengumpulan dan pembukuan (*tadwin*) ilmu juga berkembang pesat. Selain daripada itu, bermulanya kegiatan terjemahan buku-buku daripada tamadun luar.

Era kerajaan Umayyah adalah era keemasan perluasan empayar Islam. Kerajaan Islam terbentang luas sehingga Andalus di sebelah Barat dan sempadan China di sebelah Timur. Pembukaan kota-kota yang terhenti disebabkan krisis dalaman pada zaman pemerintahan Saidina Ali r.a dimulakan semula oleh Muawiyyah r.a. Perluasan wilayah Islam mencapai kemuncaknya pada zaman al-Walid ibn Abdul Malik (86-96 H).

Kerajaan Umayyah mencapai kemuncak keagungannya pada zaman pemerintahan Khalifah Umar ibn Abdul Aziz (99-101 H). Beliau dianggap sebagai khalifah yang paling adil dalam era Kerajaan Umayyah. Walaupun hanya memerintah selama 2 tahun, namun tempoh pemerintahannya membawa banyak kebaikan kepada umat Islam.

Di antara pembaharuan dalam era ini adalah penubuhan jabatan pos, penubuhan angkatan laut, percetakan mata wang, pembangunan jalan-jalan raya, pembangunan binaan-binaan perdagangan, pembangunan pusat-pusat pemerintahan, pembinaan masjid-masjid yang megah dan penyusunan aktiviti sosial.

Kerajaan Umayyah berkuasa selama 91 sebelum ditewaskan oleh Kerajaan Abbasiyyah pada tahun 132 H. Di antara faktor dalaman yang membawa kepada kejatuhaninya adalah kelemahan sebahagian khalifah, pembaziran yang berlaku di kalangan pemimpin, pemilihan gebenor yang tidak berkelayakan dan pergaduhan melibatkan perebutan jawatan khalifah di kalangan ahli keluarga Bani Umayyah. Faktor luaran pula adalah taasub perkauman, pergaduhan di antara bangsa Arab dan bangsa-bangsa lain serta kempen-kempen penetang kerajaan seperti Syiah, Khawarij dan gerakan Bani Abbasiyyah. (al-Sallabiyy : 2008)

SISTEM PEMERINTAHAN KERAJAAN ABBASIYYAH (132-656 H)

Kerajaan Abbasiyyah bermula pada tahun 132 H apabila Abu al-Abbas al-Saffah berjaya menewaskan Khalifah Marwan ibn Muhammad dari Kerajaan Umayyah. Sebaik sahaja memegang jawatan Khalifah, beliau memilih Kufah sebagai ibu kota menggantikan kota Damsyik. Kerajaan Abbasiyyah berkuasa selama 524 iaitu dari tahun 132 hijrah sehingga tumbang di tangan tentera Mongol pada tahun 656 hijrah. Sejarawan Islam membahagikan era Kerajaan Abbasiyyah kepada empat era iaitu :

1. Era Abbasiyyah 1 (132-232 H)

Tempoh ini adalah tempoh permulaan dan seterusnya tempoh keagungan Kerajaan Abbasiyyah. Wilayah kekuasaannya terbentang dari Lautan Atlantik di sebelah Barat ke Lembah Indus di sebelah Timur. Terdapat sepuluh orang khalifah yang memerintah dalam era ini. Keagungan kerajaan Abbasiyyah mencapai kemuncaknya pada zaman pemerintahan Harun al-Rasyid (170-192 H).

2. Era Abbasiyyah 2 (232-334 H)

Tempoh ini bermula dengan pemerintahan Khalifah al-Mutawakkil. Kegemilangan Kerajaan Abbasiyyah menurun kerana pengaruh Turki bangkit menguasai pemerintahan. Sebahagian khalifah pada era ini hanya sebagai simbol sahaja kerana kekuasaan sebenar terletak di tangan para menteri berbangsa Turki. Banyak wilayah akhirnya berjaya memisahkan diri dari Kerajaan Abbasiyyah seperti wilayah Andalus, Afrika Utara dan Parsi.

3. Era Abbasiyyah 3 (334-447 H)

Tempoh ini bermula dengan tertubuhnya Dinasti Buwaihiyah. Kerajaan Abbasiyyah menjadi sangat lemah sehingga meminta bantuan daripada Dinasti Buwaihiyyah. Akhirnya Bani Buwaihiyyah berjaya menguasai pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah dan para khalifah hanya menjadi simbol. Lebih banyak kawasan berjaya memisahkan diri dari Kerajaan Abbasiyyah. Di antara dinasti yang wujud pada era ini adalah Dinasti Buwaihiyyah di Parsi, Dinasti Samaniyyah di Khurasan, Dinasti Hamdaniyyah di Syria, Dinasti Umayyah di Andalus, Dinasti Fatimiyah di Mesir dan Dinasti Ghazwaniy di Afghanistan.

4. Era Abbasiyyah 4 (447-565 H)

Tempoh ini bermula dengan penguasaan Kaum Saljuq ke atas pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah. Kaum Saljuq berasal dari Turki, namun berjaya menumbangkan Dinasti Buwaihiyyah dan akhirnya menguasai Baghdad. Era ini berakhir dengan jatuhnya Baghdad di tangan Hulagu Khan pada tahun 656 H. (Muhammad Suhail : 2009)

Era Abbasiyyah 1 adalah zaman keemasan Kerajaan Abbasiyyah. Pada era inilah tamaddun Islam mencapai kemuncaknya. Kerajaan Abbasiyyah lebih menumpukan perhatian kepada perkembangan peradaban dan kebudayaan Islam berbanding Kerajaan Umayyah yang mementingkan perluasan kuasa.

Perkembangan ilmu jelas kelihatan pada era ini. Ulama'-ulama' diberi penghargaan sewajarnya menyebabkan ilmu Fiqh, Tafsir, Hadith berkembang pantas. Ilmu-ilmu perubatan, falak, matematik dan lain-lain turut maju disebabkan kesungguhan para khalifah yang membina fasilitasi sesuai. Gerakan terjemahan buku-buku asing pula membuka ruang kepada ilmu Kalam atau Falsafah yang mencapai kemuncaknya pada era ini.

Kota Baghdad sebagai ibu kota Kerajaan Abbasiyyah menjadi sebuah kota yang megah dengan pelbagai pembangunan. Hospital, farmasi, sekolah serta gedung-gedung perniagaan didirikan untuk kesejahteraan penduduknya. Kehebatan Baghdad bukan sahaja dikagumi oleh orang Islam, bahkan kemasyhurannya menjangkau ke Eropah. Ketika inilah negara Islam menjadi negara terkuat yang dicemburui oleh pihak musuh.

Selepas era Abbasiyyah 1, Kerajaan Abbasiyyah menjadi lemah. Walaupun bertahan lebih 400 tahun selepas era 1, namun para khalifah Kerajaan ini tidak lagi berkuasa. Para menteri yang berasal dari Turki, Bani Buwaihiyyah serta kaum Saljuq yang sebenarnya menguasai tompok pemerintahan.

Akhirnya kerajaan ini berakhir di tangan tentera Mongul. Di antara sebab-sebab kemunduran Kerajaan Abbasiyyah adalah persaingan antarabangsa dan pemisahan wilayah, kemerosotan ekonomi, konflik keagamaan khususnya yang melibatkan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Syiah, siri Peperangan Salib dan serangan Bangsa Mongul. (Badri Yatim : 1993)

ANALISIS DAN RUMUSAN SISTEM PEMERINTAHAN *KHULAFĀ' AL-RASYIDIN*, KERAJAAN UMAYYAH DAN KERAJAAN ABBASIYYAH

Era pemerintahan *Khulafā' al-Rasyidin* yang memerintah selama 30 tahun adalah era kesinambungan pemerintahan Rasulullah SAW sebagai ketua negara Kota Madinah. Perbezaannya adalah Rasulullah SAW sebagai ketua negara juga merupakan seorang nabi yang mendapat wahu ilahi. Oleh itu sebarang keputusan baginda SAW bebas dari kritikan dan bangkangan. Namun Rasulullah SAW tidak menggunakan kuasa veto baginda sewenang-wenangnya, bahkan sentiasa meminta pandangan para sahabat dalam majlis syura. Konsep syura ini diteruskan oleh keempat-empat khalifah yang memerintah selepas baginda SAW. Walaubagaimanapun telah terdapat kritikan dan bangkangan ke atas keputusan yang dibuat oleh mereka, khususnya dua khalifah terakhir sehingga membawa kepada zaman fitnah kerana para sahabat tidak bersifat dengan sifat maksum.

Pada era pemerintahan kerajaan Umayyah dan Abbasiyyah pula, sistem syura ini digantikan dengan sistem pemerintahan beraja. Kebanyakan khalifah-khalifah lebih bersifat raja daripada pemimpin berjiwa rakyat. Khalifah-khalifah di kedua-dua era memerintah secara berkuasa penuh ketika kerajaan mereka kuat. Namun khalifah-khalifah ini hanya berfungsi sebagai simbol kuasa sedangkan pemerintahan sebenar terletak di tangan para menteri apabila kedua kerajaan menjadi lemah.

Dari sudut pemilihan khalifah pula, sistem syura turut digunakan di era *khulafā' al-rasyidin* kecuali pemilihan Saidina Umar r.a. Saidina Abu Bakar r.a dipilih sebagai khalifah Islam pertama dengan persetujuan semua sahabat. Saidina Othman r.a pula dipilih dengan suara majoriti dalam satu bentuk pilihanraya khusus yang direkabentuk oleh Saidina Umar r.a. Pemilihan Saidina Ali r.a dengan suara kebanyakannya sahabat yang berada di Madinah pula dipertikaikan oleh Muawiyyah yang kemudiannya bertindak membangkang dan memerangi Saidina Ali r.a atas alasan menuntut bela di atas kematian Saidina Othman r.a. Satu-satunya khalifah yang dipilih melalui wasiat khalifah terdahulu adalah Saidina Umar r.a yang menjadi khalifah selepas dinamakan sebagai pengganti khalifah oleh Saidina Abu Bakar r.a.

Muawiyyah r.a turut berijtihad menggunakan kaedah wasiat atau penamaan dengan menamakan anaknya Yazid sebagai khalifah selepas kewafatannya. Beliau bertindak demikian kerana tidak mahu kerajaan Islam yang telah bersatu di zamannya kembali berpecah belah kerana perebutan jawatan khalifah. Malangnya tindakan beliau telah membawa kepada sistem pewarisan keluarga iaitu jawatan khalifah menjadi hak pewarisan seperti sistem kerajaan beraja.

Kerajaan Abbasiyyah pula bermula dengan rampasan kuasa apabila Abu al-Abbas al-Saffah melakukan gerakan menyingkirkan Kerajaan Umayyah dan menubuhkan kerajaan Abbasiyyah. Khalifah-khalifah yang berikutnya pula menggunakan pendekatan pewarisan sama seperti kerajaan Umayyah. Melalui sejarah tiga era ini, para fuqaha' menetapkan pemilihan pemimpin dalam Islam dibuat menggunakan salah satu dari tiga cara di atas iaitu kaedah al-bai'ah melalui syura, kaedah istikhlas (pelantikan pengganti) dan kaedah rampasan kuasa. (Zulkifli Mohamad : 2013)

Pada era *khulafā' al-rasyidin*, tumpuan utama kerajaan adalah menyebarkan Islam kepada orang ramai untuk meneruskan dakwah Rasulullah SAW. Peperangan berlaku apabila dakwah ini disekat. Ini membawa kepada pembukaan kota-kota iaitu dengan tujuan membebaskan manusia dari perhambaan sesama manusia kepada perhambaan kepada Allah. Lebih banyak kota di buka di era Kerajaan Umayyah kerana tumpuan utama kerajaan adalah perluasan kawasan negara Islam selain dakwah seperti di era *khulafā' al-rasyidin*. Tumpuan utama Kerajaan Abbasiyyah pula adalah pembinaan tamadun Islam dengan pembinaan kota-kota hebat seperti Baghdad. Selain daripada itu, bidang keilmuan mencapai kemuncak kegemilangannya pada era ini.

Kerajaan Islam di era *khulafa' al-rasyidin* adalah kerajaan berpusat sepenuhnya dengan Kota Madinah menjadi ibu negara. Perluasan kawasan yang bermula pada zaman Saidina Abu Bakar r.a lagi menyebabkan negara Islam dibahagikan kepada beberapa kawasan. Gebernur dilantik untuk mentadbir kawasan-kawasan tersebut. Di penghujung era ini, Muawiyyah r.a sebagai gebernur Syam bertindak membangkang perlantikan Saidina Ali r.a sebagai khalifah, seterusnya membawa kepada krisis dalam yang berpanjangan.

Konsep kerajaan berpusat diteruskan pada era Kerajaan Umayyah dan Kerajaan Abbasiyyah Pertama. Namun apabila Kerajaan Abbasiyyah menjadi lemah selepas era Abbasiyyah Pertama, sebahagian kawasan negara Islam bertindak memisahkan diri dari kerajaan pusat dan menubuhkan kerajaan atau dinasti masing-masing. Di penghujung era Abbasiyyah, kerajaan ini hanya mampu menguasai Kota Baghdad dan kawasan berdekatan sahaja. Namun perlu diberi perhatian, walaupun memilih untuk memisahkan diri dari Kerajaan Pusat, kerajaan-kerajaan ini masih mengiktiraf Kerajaan Abbasiyyah sebagai tonggak empayar Islam.

Era *khulafa' al-rasyidin* adalah contoh terbaik pentadbiran sebuah negara Islam yang diwarisi daripada Rasulullah SAW. Segala tindakan *khulafa'* adalah untuk perkembangan dakwah Islam ke seluruh pelusuk dunia. Khalifah melantik ahli-ahli majlis syura yang juga terdiri daripada para sahabat r.a yang mendapat pendidikan langsung daripada Rasulullah SAW. Oleh itu, khalifah mendapat nasihat terbaik berdasarkan ketakwaan kepada Allah Taala melalui majlis syura.

Kerajaan Umayyah pula adalah kerajaan beraja dengan pengaruh keluarga Bani Umayyah menguasai kerajaan. Kerajaan ini juga lebih mengutamakan orang Arab berbanding bukan Arab menyebabkan perasaan tidak puas hati kepada golongan bukan Arab. Peluang ini yang digunakan oleh Abu al-Abbas al-Saffah dan pengikut-pengikutnya iaitu dengan menimbulkan perasaan tidak puas hati dan kemudiannya membenci Bani Umayyah untuk merampas kuasa.

Kerajaan Abbasiyyah mendapat sokongan kuat golongan Syiah ketika gerakan menumbangkan Kerajaan Umayyah. Namun selepas berkuasa, golongan Syiah ini kemudiannya dipinggirkan. Kerajaan Abbasiyyah Kedua pula dipengaruhi oleh bangsa Turki yang berjaya menguasai tompok pemerintahan sebagai menteri-menteri. Dinasti Buwaihiyyah yang bermazhab Syiah kemudiannya berjaya mengambil alih jawatan menteri-menteri Kerajaan Abbasiyyah Ketiga. Bani Saljuq pula akhirnya menewaskan pengaruh Dinasti Buwaihiyyah dan menjadi pemerintah sebenar Kerajaan Abbasiyyah dalam era Abbasiyyah Keempat.

SIYASAH SYAR'IYYAH DALAM SISTEM PEMERINTAHAN MODEN

Malaysia adalah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kepercayaan. Suasana unik ini menuntut pihak pemerintah mengaplikasikan *siyasah syar'iyyah* secara bijaksana. Sejarah pemerintahan Rasulullah SAW di kota Madinah boleh dijadikan rujukan utama, selain pengalaman era *khulafa' al-rasyidin*, Kerajaan Umayyah dan Kerajaan Abbasiyyah.

Keamanan dan kerjasama penduduk adalah kunci kejayaan sesebuah kerajaan. Piagam Madinah secara keseluruhannya bertujuan untuk mencapai objektif berkenaan. Melalui Piagam Madinah, Rasulullah SAW mampu melaksanakan peraturan keselamatan masyarakat dan negara dengan lebih berkesan melalui penguatkuasaan undang-undang Islam. (Shukeri Muhammad : 2009) Di antara prinsip-prinsip Siyasah Syar'iyyah yang boleh diterapkan di negara kita adalah :

1. Prinsip Keadilan Dan Persamaan Dalam Masyarakat Majmuk.

Islam tidak membenarkan kezaliman dilakukan atas dasar perbezaan kaum atau agama. Oleh itu, kerajaan perlu menyuburkan penghayatan keadilan dalam masyarakat disamping merangka strategi bagi menjamin keadilan dan persamaan dalam masyarakat. Pada masa yang sama, kerajaan perlu bertindak tegas menghalang kezaliman seperti rasuah, pecah amanah, penyelewengan dan sebagainya. Prinsip ini tidak menghalang keistimewaan yang diberikan kepada Islam itu sendiri seperti meletakkan syarat jawatan pemimpin tertinggi dipegang oleh orang Islam seperti yang terdapat dalam Perlembagaan Negara.

2. Prinsip Perpaduan Dalam Masyarakat.

Matlamat perpaduan adalah perkara utama dalam pengurusan negara. Islam melarang perpecahan dan perbalahan kerana perbezaan kaum. Kerajaan perlu merangka strategi khusus untuk mengukuhkan perpaduan kaum dan agama di samping straregi menghalang perkara yang merosakkan perpaduan.

3. Kerjasama Politik.

Kerjasama politik antara Islam dan bukan Islam harus dilaksanakan untuk mencapai kejayaan pengurusan politik dalam negara. Sebagai contoh, Rasulullah SAW pernah mengadakan Perjanjian Hudaibiyah dengan orang-orang Kafir Quraisy. Kerajaan Abbasiyyah terkenal dengan diplomasi politik dengan negara-negara jiran.

4. Perkongsian Kuasa.

Kaedah perkongsian kuasa sesuai diamalkan di Malaysia memandangkan keunikan masyarakat majmuk. Namun beberapa dasar perlu disepakati untuk mewujudkan suasana tenteram dan menjamin kestabilan politik. Di antara dasar-dasar yang boleh dijadikan rujukan adalah menerima kepimpinan Islam sebagai kepimpinan tertinggi, menerima konsep keadilan sejagat, tidak melanggar prinsip-prinsip Islam, menghormati hak beragama, mengakui keunggulan etika mulia dan mendokong keamanan sejagat. (Shukeri Muhammad : 2009)

Islam adalah agama yang bersifat sentiasa berkembang. Penilaian berkaitan hukum-hukum Fiqh perlu dibuat dari masa ke semasa agar memenuhi matlamat syariah. Begitu juga dengan hukum-hukum berkaitan *siyasah syar'iyyah*. Dr. Yusuf al-Qaradhawi (2001) menjelaskan bahawa ijtihad semasa perlu dilakukan untuk menilai beberapa pendapat silam seperti pendapat yang menolak penglibatan wanita dalam politik, pendapat yang mewajibkan jizyah ke atas penduduk beragama Kristian, pendapat kekerasan ke atas ahli zimmah, pendapat yang menghalang ahli zimmah dari berpolitik dan lain-lain.

PENUTUP

Politik Islam adalah satu seni yang berpandukan kepada syarak, dan bukannya bersandarkan kepada kekuatan pemikiran semata-mata. Matlamat utama dari siyasah syar'iyyah ini adalah untuk mencapai kemaslahatan kepada manusia, menunaikan segala keperluan mereka dan menjauhkan mereka daripada kemudarat dunia dan akhirat. Rasulullah SAW berjaya membawa kestabilan politik ke Kota Madinah apabila baginda SAW mewujudkan Piagam

Madinah. Piagam ini menjadi dasar kepada pentadbiran Rasulullah SAW. Konsep syura yang diperkenalkan baginda SAW kemudiannya turut digunakan oleh para *khulafa' al-rasyidin* sebagai wadah pemerintahan.

Kerajaan Umayyah pula memperkenalkan konsep pemerintahan beraja untuk mengelakkan perpecahan negara. Di era ini, negara Islam mencapai kemuncak kegemilangan dari sudut perluasan kawasan. Kerajaan Abbasiyyah meneruskan kecemerlangan umat Islam dengan menjadikan agenda pembinaan tamadun sebagai keutamaan.

Usaha untuk mengembalikan pemerintahan berdasarkan syariah perlu diteruskan dengan melihat kepada sejarah silam. Kejayaan sesebuah negara dan rakyatnya boleh dilihat pada kejayaan pelaksanaan hukum-hukum Allah di atas muka bumi ini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Al-Shallabi, Ali ibn Muhammad. (2008). *al-Daulah al-Umawiyyah : Awamil al-Izdihar wa Tada'iyyat al-Inhiyar*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. (1422H). *Sahih al-Bukhariy*. Dar Tuq al-Najat.
- Al-Mutiriy, Hakim. (2009). *Tahrir al-Insan wa Tajrid al-Tughyan*. Al-Muassasah al-Arabiyyah lil Dirasat wa al-Nasyr.
- Al-Sa'idiy, Abdul Muta'al. (1962). *al-Siyasah al-Islamiyyah fi Ahd al-Khulafa' al-Rasyidin*. Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Zubaidiy, Muhammad ibn Muhammad al-Husainiy. (t.t.). *Taj al-Arus Min Jawahir al-Qamus*. Dar al-Hidayah.
- Ibn Kathir, Ismail ibn Umar al-Qurasyiy. (1986). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwiniy. (1996). *Sunan Ibn Majah*. Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukrim ibn Ali al-Afriqi. (1414H). *Lisan al-Arab*. Beirut : Dar Sadir.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad ibn Abdul Halim al-Hanbaliy al-Dimasyqi. (1418H). *al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Arab Saudi : Wizarah al-Syu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irsyad
- Muhammad Suhail Thaqusy. (2009). *Tarikh al-Daulah al-Abbasiyah*. Beirut: Dar al-Nafaes.
- Yusuf al-Qaradhawi. (2001). *Al-Siyasah al-Syar'iyyah Fi Dhau'i Nusus al-Syariah wa Maqasiduha*. Beirut : Muassasah Risalah.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2013). *Al-Fiqh al-Manhaji : Wasiat Dan Jenayah Dalam Fiqh al-Syafi'i*. Selangor : Darul Syakir Enterprise.

Laman Web

5. عصر الدولتين الأموية والعباسية وظهور فكر الخارج :
Al-durar al-Saniyyah . 5 Julai 2015.
http://www.dorar.net/lib/book_end/11343
- Inayah Faizah : Makalah Tentang Bani Umayyah Dan Abbasiyah. 5 Julai 2015.
<http://inayahfaizah.blogspot.com/2013/11/makalah-tentang-bani-umayyah-dan.html>
- Muntada Ansar al-Sunnah : النظام السياسي في عهد النبوة . 5 Julai 2015
<http://www.ansarsunna.com/vb/showthread.php?t=38691> (Penulis : Zainab Ahmad al-Said)
- Shaid al-Fawai'd : . السياسة الشرعية : التعريف والتأصيل : 5 Julai 2015.
<http://www.saaid.net/Doat/alsharef/6.htm> (penulis : Mohammad ibn Syakir al-Syarif)

Shaid al-Fawaid : دستور المدينة.. مفخرة الحضارة الإسلامية . 5 Julai 2015.

<http://www.saaid.net/mohamed/234.htm> (penulis : Muhammad Mas'ad Yaqut)

Tristiono : Daulah Bani Umayyah Dan Daulah Bani Abbasiyyah. 5 Julai 2015.

<https://tristiono.wordpress.com/2009/03/16/daulah-bani-umayyah-dan-daulah-bani-abbasiyah/>

Kertas Kerja Seminar

Abdul Jalil Borhan. (2013). *Konsep Siyasah Syar'iyyah Dan Pelaksanaannya Dalam Konteks Malaysia*. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siyasah Syar'iyyah Dalam Konteks Masa Kini anjuran Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

Syukeri Muhammad. (2009). *Siyasah Syar'iyyah Dalam Membentuk Gegasan Fiqh Masyarakat Majmuk*. Kertas Kerja dalam Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam.